



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM  
JABATAN ALAM SEKITAR

## **KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR**

---

### **JAS PERKASA OPERASI GERAK, REFRIGERAN DAN GEMPUR SELURUH NEGARA BERSEMPENA SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA**

---

Pulau Pinang – Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini melancarkan Minggu Operasi Gerak, Operasi Refrigeran dan Operasi Gempur Peringkat Kebangsaan bersempena sambutan Hari Penguatkuasa JAS, sebagai manifestasi komitmen berterusan dalam memperkukuh penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di seluruh negara.

Pelaksanaan operasi bersepadu ini memberi tumpuan kepada tiga komponen utama iaitu pemantauan pelepasan kenderaan bermotor (Operasi Gerak), pengurusan bahan pendingin (Operasi Refrigeran) serta pemeriksaan menyeluruh terhadap premis industri (Operasi Gempur) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sepanjang tahun 2025, JAS telah melaksanakan pemeriksaan ke atas 378,736 buah kenderaan, dengan 1,427 kompaun dan 101 Perintah Larangan dikeluarkan atas kesalahan pelepasan bahan pencemar melebihi had yang ditetapkan. Di Pulau Pinang sahaja, sebanyak 25,458 pemeriksaan telah dijalankan dengan 241 kompaun dikeluarkan.

Operasi Gerak memberi fokus kepada pemeriksaan pelepasan asap daripada kenderaan petrol, diesel dan motosikal, termasuk penguatkuasaan bunyi bising. Pemeriksaan dilaksanakan secara Ops Gerak/Statik serta Ops Catat/Kamera Video di lokasi strategik bagi memastikan pematuhan standard pelepasan dan mengurangkan pencemaran udara daripada sumber bergerak.

Dengan kekuatan 74 pegawai Unit Kenderaan Bermotor di seluruh negara, JAS terus mempergiat penguatkuasaan secara konsisten dan menyeluruh.

Operasi Refrigeran pula menumpukan kepada pematuhan pengurusan bahan pendingin yang berpotensi memberi kesan kepada lapisan ozon dan perubahan iklim sekiranya tidak dikendalikan dengan betul. Pemeriksaan melibatkan premis yang menggunakan, menyimpan atau mengendalikan bahan refrigeran bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan perundangan serta amalan pengendalian selamat.

Sementara itu, Operasi Gempur dilaksanakan secara agresif terhadap premis industri berisiko tinggi yang berpotensi menyebabkan pencemaran, melibatkan pelepasan udara, efluen industri serta pengurusan buangan terjadual. Operasi ini bertujuan memastikan tahap pematuhan industri berada pada tahap optimum.

Pelaksanaan Minggu Operasi ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan pembangunan negara berjalan seiring dengan pemeliharaan alam sekitar demi kesejahteraan generasi kini dan masa hadapan.

Operasi ini turut melibatkan kerjasama strategik pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Untuk rekod, Hari Penguatkuasa JAS disambut pada 15 April setiap tahun sejak diperkenalkan pada tahun 2019 sebagai penghargaan kepada dedikasi anggota penguatkuasa dalam memastikan kelestarian alam sekitar negara.

**-TAMAT-**

**JABATAN ALAM SEKITAR  
6 APRIL 2026**